Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 55-67
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118805

PENGUKUHAN KARAKTER REMAJA MENGHADAPI CABARAN GEJALA SOSIAL: ANALISIS BERDASARKAN KONSEP PENDIDIKAN AKHLAK DALAM ISLAM

STRENGTHENING THE CHARACTER OF YOUTHS IN FACING SOCIAL ILLNESS CHALLENGES: AN ANALYSIS OF THE AKHLAK EDUCATION CONCEPT IN ISLAM

Mohamad Azamudin Zainal [1]
Nurul Badriyah Ali [2*]
S. Salahuddin Suyurno [3]

[1] Pelajar Sarjana, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Johor Kampus Segamat, 85000, Segamat, Johor, Malaysia (E-mail: 2022236522@student.uitm.edu.my)
[2] Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Johor Kampus Segamat, 85000, Segamat, Johor, Malaysia (E-mail: nurulbadriyah@uitm.edu.my)
[3] Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Selangor, Malaysia
(E-mail: ssalahud@uitm.edu.my)
*Corresponding author: nurulbadriyah@uitm.edu.my

Article history
Received date : 23-6-2026
Revised date : 24-6-2026
Accepted date : 23-7-2026
Published date : 6-11-2026

To cite this document:
Zainal, M. A., Ali, N. B., & Suyurno, S. S. (2026). Pengukuhan karakter remaja menghadapi cabaran gejala sosial: Analisis berdasarkan konsep pendidikan akhlak dalam Islam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED),* 11 (88), 55-67.

Abstrak*: Kegawatan sosial dalam kalangan remaja memerlukan solusi yang holistik dan melibatkan pelbagai aspek terutamanya pendidikan. Dalam Islam, pendidikan akhlak berperanan sebagai pembangun peribadi yang baik. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti konsep akhlak dalam Islam dan menganalisis kepentingan pendidikan akhlak dalam pengukuhan karakter remaja dalam menghadapi cabaran gejala sosial. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan reka bentuk konseptual dan kajian kes menggunakan kaedah analisis deskriptif terhadap kajian-kajian lepas berkenaan konsep pendidikan akhlak serta mengetengahkan elemen pengukuhan karakter remaja bagi menghadapi cabaran tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa konsep pendidikan akhlak dalam Islam merupakan satu konsep yang holistik, mencakupi elemen-elemen penting yang mendorong pelaksanaan akhlak yang baik kepada remaja dalam menghadapi cabaran yang semakin mencabar pada masa kini.*

Kata Kunci*: Karakter; Remaja; Pendidikan Akhlak; Masalah Sosial.*

Abstract*: Social illness among adolescents nowadays requires a holistic solution that involves various aspects, especially education. In Islam, akhlak education plays a role in personal development. Therefore, this study aims to identify the concept of morality in Islam and analyze the importance of moral education in strengthening adolescents' character in facing social challenges. This study is a qualitative study using descriptive analysis methods using*

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 55-67
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118805

conceptual and case studies from past literatures regarding the concept of moral education and highlighting the elements of strengthening the adolescents' characters in facing the social problems challenges. The study shows that the concept of akhlak education in Islam is a holistic concept, covering important elements that encourage the implementation of good characters and morals among adolescents in facing the challenges of social illness today.

Keywords: *Character; Youth; Akhlak Education; Social Illness.*

Pendahuluan

Kehidupan yang sempurna adalah dengan mempunyai kesempurnaan akhlak dan adab yang terbaik sesama ahli masyarakat. Islam menekankan berbuat baik dan berakhlak mulia sesama manusia. Maka, perhubungan sesama makhluk yang mementingkan nilai akhlal sangat ditekankan dalam Islam

Pendidikan akhlak merupakan salah satu aspek yang sangat penting dalam membentuk personaliti dan keperibadian seseorang. Allah berfirman yang bermaksud: *"Sesungguhnya Allah menyuruh (kamu) berlaku adil dan berbuat kebajikan, memberi kepada kaum kerabat, dan Allah melarang dari perbuatan keji, kemungkaran dan permusuhan. Dia memberi pengajaran kepadamu agar kamu dapat mengambil pelajaran"* (Surah An Nahl: 90).

Menurut Ruzairi dan Jasmi (2022), akidah dan akhlak sangat berkait rapat dengan seseorang yang bergelar Muslim. Jika seseorang itu mempunyai akidah yang sejahtera, sudah pasti akan menghasilkan akhlak seseorang yang lebih mulia dan membina sahsiah yang lebih baik. Jika kita mempunyai akidah dan keimanan yang jitu, maka akan menatijahkan seseorang itu mempunyai akhlak yang baik dengan ahli masyarakat seluruhnya juga.

Pembinaan akhlak yang baik dan mulia ini telah diasaskan oleh junjungan besar Nabi Muhammad SAW sehingga menjadikan Rasulullah SAW sebagai contoh ikutan yang terbaik kepada seluruh umat manusia selaras dengan ayat al-Quran yang bermaksud: *"Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik"* (Surah al-Ahzab: 21).

Oleh itu, menjadi satu keperluan untuk menjadikan Rasulullah SAW sebagai contoh tauladan yang terbaik. Segala perlakuan Nabi merupakan contoh untuk diikuti. Memiliki akhlak yang mulia akan menjamin kebaikan di dunia dan akhirat.

Namun, ideologi akhlak dan tauladan yang baik seperti yang dianjurkan oleh Islam ini masih jauh daripada pelaksanaan kerana masih ramai juga remaja yang terjebak dengan gejala sosial seperti vandalisme, memeras ugut, merokok, perlakuan bebas antara lelaki dan perempuan, melanggar tatasusila, melanggar kewajipan beragama, membuang masa seperti melepak dan sebagainya (Rahim, 2021).

Keadaan ini disebabkan oleh rendahnya akhlak dan pengaruh rakan sebaya tanpa dipandu oleh keimanan dan ketakwaan yang tinggi. Sekalipun murid yang terlibat juga tergolong daripada mereka yang diberikan pendidikan agama secara formal di sekolah-sekolah agama, namun perbuatan salah laku ini masih belum berjaya ditangani dan dibanteras sepenuhnya.
Menurut laporan Kementerian Dalam Negeri Malaysia, sebanyak 268 kes jenayah direkodkan melibatkan pelajar sekolah menengah pada tahun 2023, berbanding hanya 92 kes pada tahun

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 55-67
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118805

2019 (Sinar Harian, 2024). Angka ini menunjukkan peningkatan hampir tiga kali ganda dalam tempoh empat tahun, yang tidak boleh dipandang ringan.

Bagi murid sekolah rendah pula, jumlah kes meningkat daripada 14 kes pada tahun 2019 kepada 25 kes pada tahun 2023, menandakan bahawa gejala ini turut menular dalam kalangan pelajar yang lebih muda. Jenayah yang dilaporkan termasuk pergaduhan, kecurian, vandalisme dan penyalahgunaan bahan terlarang yang kesemuanya memberi kesan langsung terhadap keselamatan dan suasana pembelajaran di sekolah. Sementara itu, laporan lain menyatakan bahawa hampir 300 kes jenayah sosial melibatkan pelajar sekolah rendah dan menengah telah dicatatkan sepanjang tahun 2024 (UTHM News, 2025). Data ini sekali gus mengukuhkan keperluan kepada intervensi yang lebih menyeluruh dan bersepadu.

Fenomena kegawatan sosial dalam kalangan remaja yang semakin berleluasa telah membimbangkan banyak pihak. Antara masalah yang berada pada tahap yang membimbangkan ialah masalah penzinaan, pembuangan bayi, khalwat, rogol dan penyalahgunaan dadah. Berdasarkan data dan rekod statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), seramai 175 orang bayi yang dipercayai berumur 12 bulan dan ke bawah diselamatkan serta diberi perlindungan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) daripada tahun 2022 hingga 2025 (Metro, 2026).

Berkaitan dengan penyalahgunaan dadah pula, pada tahun 2017, seramai 25,992 orang di negara ini yang dilaporkan (Daud et. al, 2020). Manakala, kes penyalahgunaan dadah terus meningkat dengan merujuk statistik yang dikeluarkan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) tahun 2024 mengatakan bahawa penagih dan penyalahgunaan dadah mengikut kategori umur kanak-kanak hingga golongan belia pada tahun 2022, seramai 88,240 orang. Seterusnya, tahun 2023 terus meningkat menjadi 91,972 orang dan tahun 2024 peningkatan yang agak serius iaitu seramai 99,752 orang.

Maka, usaha berbentuk kerohanian dijalankan secara berterusan seperti pemantapan amalan solat dan membudayakan al-Quran sebagai benteng diri daripada melakukan perkara-perkara yang membawa kerosakan jiwa dan emosi. Namun begitu, masalah disiplin, tingkah laku dan sosial remaja dan kanak-kanak ini belum dapat dibendung sepenuhnya.

Punca kepada segala isu keruntuhan nilai akhlak dan moral ini ialah kerana ramai dalam kalangan murid Islam yang tidak cukup menunaikan solat lima waktu dan semuanya berpunca daripada diri sendiri serta kebanyakannya bermula daripada rumah lagi (Ismail et.al, 2022). Permasalahan besar inilah, yang membawa kepada isu keruntuhan nilai akhlak remaja.

Menurut Azizan et.al, (2021) banyak video yang tidak bermoral yang didedahkan di media sosial sehingga menyebabkan murid-murid sekolah juga terjebak. Perkara seperti ini perlu dipandang serius kerana dengan adanya video yang tidak bermoral ini akan merosakkan moral dan akhlak murid. Oleh kerana itu, murid-murid sekolah akan mudah terdedah kepada bahan pornografi kerana tiada pemantauan yang rapi daripada ibu bapa.

Hal ini menunjukkan bahawa masalah keruntuhan akhlak yang masih meruncing dan semakin serius ini antaranya disebabkan oleh kerana tiada penghayatan ilmu agama dan pendidikan akhlak sedia ada yang lebih holistik dalam kalangan remaja masa kini. (Mohammad Hanapi et.al, 2021)

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 55-67
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118805

Berdasarkan kepada permasalahan yang dinyatakan tersebut, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti konsep akhlak dalam Islam dan menganalisis kepentingan pendidikan akhlak dalam pengukuhan karakter remaja menghadapi cabaran gejala sosial.

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan reka bentuk kajian konseptual yang menggunakan kaedah analisis deskriptif terhadap kajian-kajian lepas berkenaan konsep pendidikan akhlak serta mengetengahkan elemen pengukuhan karakter remaja bagi menghadapi cabaran gejala sosial. Kajian lepas terutamanya buku, jurnal dan artikel pendidikan akhlak diteliti bagi mendapatkan konsep sebenar Pendidikan Akhlak dalam Islam.

Kajian ini turut menggunakan reka bentuk kajian kes dengan menganalisis gejala sosial remaja yang menghalang pembangunan jati diri mereka. Analisis ini akan membantu untuk mengenal pasti elemen pengukuhan jati diri remaja dalam menangani gejala sosial yang semakin meruncing hari ini.

Kerangka kajian ini dibentangkan seperti dalam rajah berikut:



Rajah 1: Kerangka Kajian

Kajian Literatur

Pendidikan akhlak dalam Islam bukan sahaja menumpukan sahsiah dan peribadi dewasa semata-mata tetapi mestilah merangkumi semua peringkat umur. Tujuan utama pendidikan akhlak adalah untuk mencipta manusia agar menjadi lebih baik dan memiliki peribadi yang terpuji serta membangunkan jati diri yang cemerlang berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah (Daud et. al,2020).

Salah satu aset berharga dan agen penggerak kemajuan negara pada masa hadapan ialah golongan remaja. Peranan dan sumbangan golongan ini sangat diharapkan bagi memastikan kesinambungan pembangunan yang dinikmati kini agar terus dipandang tinggi. Walaubagaimanapun, kurang penghayatan nilai akhlak khususnya berkaitan keruntuhan akhlak semakin berleluasa dari semasa ke semasa yang di hadapi oleh remaja masa kini.

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 55-67
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118805

Selain itu juga, pendidikan akhlak juga sangat penting untuk diterapkan dan diajar dalam kalangan murid di sekolah. Walaubagaimanapun, terdapat remaja yang belajar ilmu akhlak di sekolah tetapi masih lagi melakukan masalah disiplin dan melanggar peraturan sekolah dengan melakukan gejala-gejala sosial yang lebih membimbangkan (Syarifah Hayati et.al, 2021). Hal ini perlu diteliti semula supaya objektif pendidikan akhlak akan terlaksana dengan sepenuhnya termasuk beberapa faktor dalaman dan luaran.

Hubungan akhlak dalam kehidupan sangat ditekankan dalam Islam, malah merupakan sebahagian daripada agama Islam itu sendiri. Untuk memelihara kehidupan yang harmoni, penekanan kepada sudut keagamaan dan kerohanian amatlah penting terutama dalam penekanan iman yang berlandaskan tauhid kepada Allah SWT. Ini kerana kuat atau lemahnya iman seseorang dapat diukur dan diketahui daripada perilaku akhlaknya (Ruzairi&Jasmi, 2022).

Menurut Nur Aisya Asyikin Mohd Zurita & Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (2022), iman yang kuat akan mewujudkan akhlak yang baik dan mulia, sedangkan iman yang lemah melahirkan akhlak yang buruk dan keji. Maka jelas di sini, peranan agama dan aspek rohani perlu ditekankan dalam apa jua bentuk pendidikan akhlak dan moral. Pendidikan akhlak yang dipelajari di bilik darjah dengan hanya menerima ilmu pengetahuan mestilah juga dengan dorongan untuk mengamalkanmya dalam kehidupan dan sangat berkait rapat dengan pembentukan sahsiah seseorang berteraskan nilai agama yang ada dalam diri seseorang Muslim itu sendiri. Secara tidak langsung akan menjamin melahirkan insan yang berkualiti sebagai hamba dan khalifah Allah di muka bumi ini.

Kajian daripada Hatim, Sahad dan Rasit (2020) menyatakan bahawa penerapan nilai-nilai murni dan akhlak remaja dapat dibentuk dengan mengadakan aktiviti dakwah kesenian di sekolah. Manakala, menurut Amelia&Suniarti (2025) menyatakan bahawa penerapan akhlak mestilah dengan memantapkan kefahaman tentang ajaran Islam kepada pelajar dengan menanamkan keimanan dalam hati seseorang.

Berdasarkan pandangan-pandangan berikut, jelaslah bahawa pendidikan akhlak sangat penting untuk pembinaan karakter seseorang untuk menjadikannya individu yang berpekerti mulia. Kebiasaannya, subjek akademik yang diajar di sekolah juga diterapkan dengan nilai-nilai murni. Hal ini mendorong semua guru di sekolah mengajar apa sahaja subjek akademik dengan memasukkan nilai akhlak dalam kehidupan agar murid-murid sentiasa mempunyai akhlak dan dapat mengamalkan ilmu akhlak dalam kehidupan mereka.

Dengan inisiatif ini, jika murid yang menguasai akademik dalam kelas dengan keputusan yang baik, mereka juga seharusnya mempunyai akhlak yang mulia agar dapat mengimbangkan kehidupan yang lebih baik di kemudian hari dan apabila mereka menjadi dewasa nanti.

Selaras dengan pandangan Johari et.al, (2026) menyatakan bahawa kesedaran mempelajari subjek akhlak dan Pendidikan Islam yang tidak kukuh serta pemahaman agama yang lemah akan menjadi faktor berlakunya gejala sosial yang negatif dalam kalangan masyarakat dewasa ini.

Konsep Akhlak dalam Islam.

Allah SWT menjadikan manusia sebagai sebaik-baik kejadian kerana dikurniakan akal dan petunjuk (wahyu). Manusia tidak boleh mengatur kehidupan berdasarkan akal semata-mata kerana akal mudah dipengaruhi oleh hawa nafsu yang menjadikan manusia menjadi liar dan

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 55-67
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118805

tidak berakhlak. Oleh kerana itu, Allah menurunkan al-Quran dan al-Quran itu sendiri mempunyai mukjizatnya tersendiri bertujuan untuk menampakkan kebenaran kitab al-Quran dan kebenaran Rasul pembawanya (Ahmad, 2021).

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2014) perkataan akhlak bererti budi pekerti, kelakuan atau tabiat. Dari segi istilah pula, akhlak bermaksud sifat-sifat yang lahir daripada seseorang dengan cara spontan tanpa dibuat-buat sama ada baik atau buruk (Al-Attas, 1980). Para ilmuan akhlak pula berpendapat bahawa akhlak merupakan sifat semula jadi yang tidak mudah diubah-ubah melainkan dengan didikan dan latihan yang berterusan (Zakaria&Ismail, 2023).

Seterusnya, akhlak itu sendiri ialah perkataan daripada perkataan Bahasa Arab yang boleh diertikan dari segi bahasanya kepada beberapa pengertian iaitu budi pekerti, budi bahasa, adab sopan, tingkah laku, moral dan sebagainya. Pengertian akhlak dari sudut bahasa ialah sifat atau tabiat. Akhlak berasal daripada kata jamak: khalaqa (خلق) – khalqan (خلقا) – akhlak (أخلق) yang bererti sifat, tabiat, perangai, budi pekerti dan adab (Syafitri et al., 2023).

Menurut pandangan Bahar dan Sham (2023), akhlak adalah tingkah laku yang terhasil daripada jiwa dan kemudian dilahirkan melalui perbuatan seseorang. Apabila jiwa disokong oleh ilmu yang baik, maka akan menghasilkan akhlak yang terpuji.

Justeru, diutuskan Rasul untuk membawa pengajaran agama bagi membentuk kehidupan manusia supaya berakhlak mulia sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud*: Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan Yang baik, Iaitu bagi orang Yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).* (Surah al-Ahzab: 21)

Selain al-Quran, hadis nabi juga ada menyebut tentang akhlak yang maksudnya: *Telah menceritakan kepadaku Abu Abdullah Al Jadali dia berkata; Saya bertanya kepada Aisyah; "Bagaimanakah akhlak Rasulullah SAW terhadap keluarganya." Aisyah berkata; "Baginda adalah orang yang paling baik akhlaknya, tidak pernah berbuat keji, tidak bercakap dengan kata-kata yang kotor, tidak berteriak-teriak di pasar, dan tidak pernah membalas dengan kejahatan yang sama (yang diperlakukan kepadanya), akan tetapi baginda seorang yang pemaaf dan pengampun."* (Hadis Riwayat Ahmad: 24797)

Akhlak juga menjadi timbangan utama di akhirat kelak, hal ini berdasarkan hadis berikut maksudnya: *Dari Abu Darda ia berkata; Saya mendengar Rasulullah SAW bersabda: Tidak ada yang lebih berat dalam timbangan daripada akhlak yang baik, dan sesungguhnya orang yang berakhlak baik akan mencapai darjat orang yang berpuasa dan solat."* (Hadis Riwayat Tirmizi: 1926)

Ini jelas menunjukkan bahawa Islam mempunyai dua sumber utama iaitu al-Quran dan al-Sunnah yang menjadi pegangan ummah sebagai sumber pendidikan akhlak. Menurut Husin dan Amran (2021), pendidikan akhlak dan pendidikan Islam merupakan satu proses mengasuh, membela, melatih, menyucikan dan memadamkan sifat yang tercela kepada yang terpuji dalam diri seseorang insan itu sendiri.

Menurut Noor, Kasim dan Yusoff (2021), konsep pendidikan yang harus dicapai oleh seorang guru dalam mendidik anak murid adalah mendekatkan diri kepada Allah. Dengan memupuk

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 55-67
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118805

nilai akhlak secara tidak langsung dapat mendekatkan diri murid kepada Allah dan dapat membendung budaya yang rosak tersebut. Melalui pendekatan ini, penerapan nilai-nilai akhlak mulia disepadukan secara sistematik bagi membina kekuatan spiritual murid, sekali gus berfungsi sebagai benteng dalaman yang ampuh.

Sementara itu, Ibnu Miskawih menyatakan bahawa akhlak merupakan sifat yang tertanam dalam jiwa yang mendorong untuk melakukan perbuatan atau tindakan dengan senang dan mudah tanpa diketahui oleh pemikiran kerana telah menjadi sifat atau kebiasaan (Mhd Fauzil Adim Nasution, 2023).

Pendidikan Akhlak dan Hubungannya dalam Kehidupan

Agama Islam sebagai 'ad-Deen' atau cara hidup (*way of life*) amat menekankan kepada pendidikan akhlak. Sesuai dengan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud: *"Agama itu adalah nasihat"* (Hadis Riwayat Muslim)

Tujuan utama perutusan Nabi Muhammad SAW oleh Allah SWT kepada manusia juga memperlihatkan kepentingan nilai akhlak atau moral dalam Islam, sebagaimana sabda baginda Rasulullah SAW dalam sebuah hadith yang sahih daripada Abu Hurairah RA, bahawa Nabi SAW bersabda maksudnya: *"Sesungguhnya tidak aku diutuskan melainkan untuk menyempurnakan kebaikan akhlak."* (Hadis Riwayat Ahmad: 8952)

Oleh itu, menurut kaca mata Islam, nilai akhlak adalah sebahagian daripada agama Islam itu sendiri. Justeru, dalam Islam manusia yang paling tinggi statusnya ialah manusia yang paling mulia akhlaknya dan tinggi sifat takwanya, sebagaimana disebut dalam hadis yang bermaksud: *"Orang mukmin yang paling sempurna imannya ialah yang paling baik akhlaknya."* (Hadis Riwayat Ahmad)

Malah, tidak sempurna iman seorang Muslim itu sekiranya dia tidak memiliki nilai-nilai moral dan akhlak yang mulia dan terpuji (Saiful et.al, 2021). Hal ini selaras dengan hadis yang maksudnya: *"Tidak sempurna iman seseorang itu sehingga dia mengasihi saudaranya sebagaimana dia mengasihi dirinya sendiri"* (Hadis Riwayat Bukhari)

Walaubagaimanapun, tidak bermakna bahawa dengan memiliki akhlak yang sempurna dan mulia sudah memadai untuk dikategorikan sebagai Muslim yang benar-benar beriman. Kepentingan peranan iman kepada umat Islam diutamakan kerana ia merupakan asas yang menentukan segala amalan dan perilakunya diterima Allah SWT. Tiada gunanya seseorang itu berakhlak atau bermoral tinggi, namun dia tidak mempercayai dan patuh kepada peraturan dan hukum Allah SWT.

Dalam hal ini, Hasan et.al, (2021) turut menegaskan bahawa, penerapan nilai akhlak bermula daripada intipati tauhid kepada Allah SWT dengan melaksanakan solat lima waktu sehari semalam demi melahirkan insan soleh dan berakhlak dalam sahsiah kehidupan seseorang. Beliau membuat kesimpulan bahawa pengajaran nilai akhlak yang berkesan akan berlaku apabila dikaitkan dengan kepercayaan kepada Tuhan dan menunaikan kewajipan solat yang sempurna. Hanya apabila insan itu menyedari akan kehadiran Allah SWT, barulah dia akan mendidik hati dan diri dengan sebenarnya.

Jelasnya, akhlak merupakan pelengkap kepada keimanan dan mencantikkan lagi ibadah yang dilaksanakan oleh seseorang Muslim dalam kehidupan seharian.

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 55-67
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118805

Selain daripada memahami, menghayati dan mengamalkan akhlak, umat Islam dianjurkan supaya mengamalkan adab-adab mulia dalam kehidupan. Ini jelas menunjukkan bahawa adab dan jati diri seseorang merujuk kepada identiti diri serta keperibadian diri yang sebenar yang berlandaskan iman dan takwa (Ithnin, 2023). Ini bermakna apabila menyebut konsep pendidikan akhlak, secara langsung perlu juga menyentuh berkenaan penerapan adab-adab mulia.

Adab yang kata akarnya daripada Bahasa Arab '*addaba'* bermaksud mengajarkan adab. Adab juga boleh membawa maksud adat kebiasaan. Tegasnya, menggambarkan satu kebiasaan, budi pekerti dan perilaku yang diambil daripada orang yang dianggap sebagai contoh tauladan (Sukri, 2026).

Dalam konteks Islam, sudah semestinya adab-adab yang digariskan adalah bersumberkan wahyu Ilahi. Namun, perlaksanaan adab adalah mengikut keadaan dan tuntutan masyarakat setempat adalah satu amalan yang tidak bertentangan dengan prinsip dan syariat Islam.

Menurut Sukri (2026), adab Islam bertujuan untuk menyusun kehidupan harian, yang memberikan ketenangan dan memelihara maruah. Justeru, adab dan akhlak Islam menyentuh soal-soal kehidupan umat Islam daripada sekecil-kecil perkara sehingga kepada perkara yang besar dalam amalan seharian hingga membentuk jati diri Muslim yang mempunyai sahsiah yang cemerlang dalam masyarakat (Abdul Majid et.al, 2023).

Selain itu, kefahaman dalam menghayati ajaran Islam adalah tunjang penting untuk melahirkan remaja yang berakhlak. Pandangan daripada kajian Daud et.al, (2020) menyatakan bahawa perkara yang paling penting untuk melahirkan remaja berakhlak adalah dengan mewujudkan persekitaran yang baik selaras dengan pandangan Ibn Khaldun iaitu persekitaran yang baik (*biah solehah)* akan melahirkan remaja yang berakhlak mulia.

Kajian Ismail et.al, (2021) menyatakan bahawa ibu bapa menjadi orang terpenting dalam menentu perihal kelakuan dan akhlak anak-anak. Pembentukan akhlak bermula daripada hasil didikan dalam keluarga itu sendiri. Ibu bapa adalah insan yang paling rapat dengan anak-anak, oleh itu adalah wajar untuk ibu bapa menunjukkan suri teladan yang baik dan akhlak yang mulia kepada anak-anak. Pendidikan yang berkesan adalah pendidikan yang bermula di rumah.

Faktor kemenjadian anak-anak bermula dalam institusi keluarga itu sendiri dengan dipengaruhi oleh faktor teladan ibu bapa meliputi aspek perbuatan dan percakapan. Kualiti akhlak dan keperibadian anak-anak dapat dilihat melalui kejayaan dan keharmonian dalam keluarga umumnya.

Selain itu, Nurul Izzah et al. (2021) telah menjalankan satu kajian tinjauan awal bagi mengenal pasti impak media sosial terhadap keruntuhan akhlak dalam kalangan pelajar. Hasil kajian tersebut mendapati bahawa penggunaan media sosial tanpa kawalan memberi impak negatif terhadap akhlak pelajar merangkumi empat aspek utama iaitu keganasan dan pornografi, pengaruh fesyen, hubungan sillaturrahim, serta perkataan dan perbuatan.

Justeru, kepentingan kerjasama antara semua pihak termasuk institusi pendidikan, ibu bapa dan kementerian berkaitan dalam memantau penggunaan media sosial serta membina semula akhlak remaja masa kini. Hal ini menunjukkan bahawa pengaruh media sosial bersifat meluas dan merentas jantina, sekali gus menuntut pendekatan pendidikan akhlak yang holistik dan

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 55-67
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118805

menyeluruh sebagaimana yang digariskan dalam konsep pendidikan akhlak Islam bagi membentengi remaja daripada terus terdedah kepada pengaruh negatif tersebut.

Ini menunjukkan bahawa kedua-dua kajian ini saling melengkapi kerana dapatan Nurul Izzah et al. (2021) menjelaskan mengapa pendidikan akhlak amat diperlukan, manakala kajian saya menjelaskan bagaimana ia perlu dilaksanakan secara sistematik bagi membentengi remaja daripada ancaman gejala sosial masa kini dan masa depan yang penuh mencabar.

Manakala, kajian yang dilakukan oleh Sohar et. al, (2024) telah membuktikan bahawa sifat *al-haya'* atau ertinya sifat malu apabila tidak wujud akan menyebabkan masalah dalam kalangan remaja yang semakin berleluasa. Mereka tidak malu melakukan kesalahan, maksiat dan dosa khususnya di khalayak ramai.

Justeru, bagi menangani masalah yang semakin berleluasa ini semua pihak perlu bekerjasama dan memainkan peranan masing-masing untuk memberi pengetahuan dan kefahaman sifat *al-haya'* dan membina akhlak mulia dalam kalangan para remaja sejak mereka kecil.

Pemantapan akhlak melalui sifat *al-haya'* adalah antara pendekatan yang sangat relevan digunakan dalam pendidikan serta menjadi satu kemestian yang perlu ada dalam diri setiap insan bagi melahirkan manusia yang mempunyai akhlak yang terpuji.

Tambahan lagi, kajian yang dilakukan oleh Daud et al. (2020) menyatakan bahawa penerapan nilai merupakan asas dalam membentuk sahsiah diri yang luhur. Menurut penulis, sistem pendidikan sedia ada memerlukan sokongan dari semua pihak dalam pendidikan akhlak remaja. Setiap pihak memainkan peranan dalam perkembangan akhlak para remaja.

Sokongan persekitaran dalam pendidikan akhlak remaja meliputi elemen-elemen kemanusiaan, seperti sokongan guru, sokongan ibubapa, sokongan rakan sebaya dan sokongan masyarakat mempengaruhi pembentukan akhlak para remaja. Seseorang akan berubah kearah kebaikan jika mereka menghayati akhlak dalam kehidupannya kerana akhlak mulia dapat memberi kesan yang positif kepada mereka.

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 55-67
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118805



Rajah 2: Elemen Pengukuhan Karakter Remaja Menghadapi Cabaran Gejala Sosial Berdasarkan Konsep Pendidikan Akhlak Dalam Islam

Sumber: Analisis Penyelidik

Rajah 2 di atas merupakan gabungan elemen yang menunjukkan bahawa pembinaan karakter remaja yang kukuh memerlukan pendekatan yang bersifat holistik dan saling melengkapi antara aspek dalaman dan luaran. Latihan yang berterusan, pemantapan ilmu yang mendidik jiwa serta meneladani Rasulullah SAW sebagai *qudwah hasanah* akan membentuk asas kesedaran dan kefahaman yang mendalam dalam diri remaja tentang nilai baik dan buruk.

Dalam masa yang sama, elemen seperti menjadikan akhlak sebagai timbangan utama di akhirat, memadamkan sifat mazmumah dan membudayakan sifat mahmudah sebagai kebiasaan hidup berperanan membina kawalan diri yang tinggi. Kesepaduan elemen ini menjadikan remaja bukan sahaja memahami nilai akhlak secara teori, tetapi mampu mengamalkannya secara konsisten dalam kehidupan seharian.

Selain itu, pengukuhan karakter turut diperkukuh melalui elemen kerohanian seperti sifat takwa, pemantapan iman dan kepercayaan kepada Tuhan yang menjadi teras kekuatan dalaman dalam menghadapi tekanan serta godaan gejala sosial yang merosakkan. Sokongan persekitaran seperti keluarga, sekolah dan rakan sebaya yang positif, di samping pendidikan yang bermula daripada rumah serta penghayatan adab-adab mulia dapat membantu untuk membentuk suasana yang kondusif kepada perkembangan sahsiah remaja.

Elemen sifat *al-haya'*(malu) pula bertindak sebagai benteng dalaman yang menghalang perlakuan negatif. Oleh itu, apabila semua elemen ini digabungkan secara bersepadu akan

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 55-67
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118805

berupaya melahirkan remaja yang memiliki karakter yang mantap, daya tahan moral yang tinggi serta keupayaan untuk menilai dan menolak pengaruh gejala sosial secara bijaksana dan berprinsip.

Penutup

Konklusinya, banyak kes keruntuhan akhlak dan moral dalam kalangan remaja sehingga melibatkan perkara-perkara sumbang yang berlaku seperti buli, pembuangan bayi, vandalisme dan sebagainya memerlukan solusi yang menyeluruh. Analisis terhadap konsep pendidikan akhlak dalam Islam membuktikan bahawa konsep ini merupakan satu konsep yang holistik, mencakupi elemen-elemen penting seperti keteguhan iman, pengaplikasian ilmu yang benar, latihan sikap positif yang berterusan, menjadikan perkara baik sebagai sifat dan kebiasaan, meneladani Rasulullah SAW, didikan ibu bapa di rumah, penerapan sifat *al-haya'* dalam diri serta sokongan persekitaran akan mendorong pelaksanaan akhlak yang baik kepada remaja dalam menghadapi cabaran semasa. Gabungan elemen ini mampu mengukuhkan karakter remaja sekaligus menangani segala permasalahan sosial yang meruncing hari ini. Hal ini adalah kerana pencegahan dan rawatan utama bagi masalah sosial masyarakat adalah bermula dari dalam diri seseorang individu itu sendiri.

Penghargaan

Projek ini dibiayai oleh Fundamental Research Grant Scheme-Early Career (FRGS-EC) melalui Kementerian Pendidikan Tinggi, kod projek: [FRGS-EC/1/2024/SSI03/UITM/02/11]

Rujukan

Al-Quranul Kareem

Abdullah, W. N. W. & Husain, H. (2015). Tahap Penghayatan Nilai Akhlak al-Quran dalam Kalangan Pelajar Kelas Aliran Agama (KAA) di SMK Jalan Tiga, Bandar Baru Bangi. *Jurnal TAMU Tinta Artikulasi Membina Ummah, 1*(1). 152-162. eISSN: 2289-960X

Abd Majid, M., Azizan, N. I., Usman, A. H., Haridi, N. H., Mohamad, N., Ismail, Z., & Abdul Rahman, A. H. (2023). Pembangunan jati diri insan menurut perspektif hadis. *Jurnal Hadis, 13*(26), 38–50.

Al-Attas, S. M. N. (1980). *The Concept of Education in Islam: A Framework for an Islamic Philosophy of Education*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).

Ahmad, W. H. S. W. (2021). Tinjauan Terhadap Konsep Kemukjizatan Al-Quran Menurut Pandangan Ulama:[The Concept Of The Miracle Of Al-Quran According To Views Of The Islamic Scholar: A Review]. *KQT eJurnal*, *1*(1), 96-107.

Astuti, I. S., Abbas, P., & Firdaus, A. (2025). KONSEP JIWA MENURUT AL-GHAZALI DAN IMPLIKASINYA TERHADAP PEMBENTUKAN AKHLAK REMAJA. *Journal of Applied Transintegration Paradigm*, *5*(2), 269-282.

Amelia, A. A., & Suniarti, N. (2025). Penanaman Nilai Keimanan Dan Pembentukan Akhlak Melalui Pembelajaran Agama di Lembaga Pendidikan. *Edusiana: Jurnal Ilmu Pendidikan*, *3*(2), 400-407.

Azizan, N. I., Ismail, N., Zin, S. M. M., & Zainuddin, F. (2021). Cabaran Membentuk Akhlak Remaja Melalui Persekitaran Sosial dan Perkembangan Teknologi: Challenges of Adolescent Morality Through The Social Environment and Technology Development. *Jurnal Pengajian Islam*, *14*(1), 118-129.

Bahar, A. J., & Sham, F. M. (2023). Pendekatan Sabar dalam Pembentukan Akhlak Muslim Pelajar. *e-BANGI Journal*, *20*(1).

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 55-67
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118805

Daud, H. M., Yussuf, A. & Kadir, F. A. A. (2020). Pembentukan Akhlak dan Sahsiah Pelajar Melalui Pembelajaran Sosial Menurut Perspektif Islam. *e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan, 17*(9), 75-89. ISSN: 1823-884X

Hadis Nabawi

Hatim, A. S. A., Sahad, M. N. & Rasit, R. M. (2020). Persepsi Pelajar terhadap Pembentukan Akhlak Melalui Penerapan Nilai Murni dalam Aktiviti Dakwah Kesenian di SMKA Negeri Kedah. *UMRAN – International Journal of Islamic and Civilizational Studies, 7*(2), 1-16.

Hasan, S. A., Yahya, M. A., & Ibrahim, A. F. (2021). Implikasi program amali solat dalam pembentukan akhlak pelajar: kajian di Sekolah Menengah Daerah Alor Gajah, Melaka. *Jurnal'Ulwan*, *6*(3), 149-178.

Hussin, Z., Siraj, S., Malik, Z. H. A., Jamil, M. R. M., Sapar, A. A. & Noh, N. M. (2015). Pembangunan Akhlak dan Moral ke Arah Masyarakat Lestari. *Al-Hikmah, 7*(2). 72-87.

Hussin, H., & Amran, N. N. (2021). Integrasi Dakwah dan Siyasah Dalam Pemikiran Tuan Guru Dato'Seri Haji Abdul Hadi Awang. *Ahmad Syakir Mohd. Nassuruddin, Mohd Zain Mubarak & Mohd. Fadli Ghani*, *74*, 320.

Ismail, W. A. F. W., Mutalib, L. A., Saleh, N. S. S. N., Baharuddin, A. S., Mamat, Z., Husin, S. N. M. S., ... & Kahar, N. S. A. (2022). Issue Of Moral Degradation Among Muslim Adolescents In Malaysia: Issues, Challenges And Suggested Solutions: Permasalahan Keruntuhan Akhlak Dalam Kalangan Remaja Muslim Di Malaysia: Isu, Cabaran Dan Cadangan Penyelesaian. *al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, *26*(2), 47-61.

Ismail, A. D., & Mansor, S. N. (2021). Teknik Komunikasi Ibu dalam Pembentukan Sahsiah Anak-anak Menurut Islam [Maternal Communication Techniques in the Formation of Children's Personality According to Islam]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, *4*(3), 131-144.

Ithnin, N. B. (2023). *Pendidikan Karakter Dalam Perspektif Sunnah Nabi Saw* (Doctoral dissertation, Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau).

Johari, C. A. M., Batia, S. N., Kasim, T. S. A. T., Salahuddin, H., Rahman, H. F. A., & Ramsyah, N. Z. A. A. (2026). Masalah Psikososial Pelajar Sekolah Menengah: Kajian Kes Faktor penyumbang dan Peranan Guru Pendidikan Islam dalam Menyokong Kesejahteraan Emosi dan SpiritualFaktor Penyumbang dan Peranan Guru Pendidikan Islam dalam Menyokong Kesejahteraan Emosi dan Spiritual. *Journal of Islamic Educational Research*, *12*(1), 27-42.

Kamus Dewan (Edisi keempat). (2014). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhamad, N. & Hashim, A. (2017). Pelaksanaan Biah Solehah dan Kesan terhadap Penghayatan Akhlak Pelakar di SMKA. *Jurnal Teknikal & Sains Sosial, 8*(1), 25-43. eISSN: 2289-7356

Mohammad Hanapi, N., Omar, N., Samat, M. M., & Mohd Kamal, M. M. (2021). Gejala sosial di kalangan mahasiswa universiti. *Gading Journal for Social Sciences*, *24*(2), 38-46.

MHD FAUZIL ADIM NASUTION, M. F. A. (2023). *Konsep pendidikan akhlak menurut Ibnu Miskawaih* (Doctoral dissertation, Fakultas Agama Islam, Universitas Islam Sumatera Utara).

Noor, J. M. (2014). *Keberkesanan Pendidikan Akhlak di Sekolah Menengah Kebangsaan di Seremban Negeri Sembilan* (Disertasi kedoktoran tidak diterbitkan). Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Noor, N. E. M., Kasim, T. S. A. T. & Yusoff, Y. M. (2021). Peranan Guru dalam Pelaksanaan e-Pembelajaran Pendidikan Islam Menurut Perspektif al-Ghazali. *Journal of Islamic Educational Research (JIER), 6*(1). 52-63. https://doi.org/10.22452/jier.vol6no2021.4

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 55-67
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118805

Noor Zainan, N. I., Awang @ Ab Rahman, N. H., Ismail, M. K. A., Mat Jusoh, N. A., Mustafa @ Busu, Z., Yusoff, Z., dan Ab Rahman, S. (2021). Impak media sosial terhadap keruntuhan akhlak dalam kalangan pelajar: Satu tinjauan awal. Dalam *Proceedings of International Conference on Language, Education, Humanities & Social Sciences (i-LEdHS 2021)* (hlm. 98–107).

Rahim, N. A. A. (2021). *Gejala Sosial dalam Kalangan Remaja dan Penyelesaian di bawah Gagasan Negara Zikir* (Doctoral dissertation, University Sultan Sharif Ali).

Razak, K. A. (2013). *Gaya Pembelajaran, Pencapaian Pendidikan Islam, dan Penghayatan Akhlak dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Selangor* (disertasi kedoktoran tidak diterbitkan). Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.

Ruzairi, R., & Jasmi, K. A. (2022). Akhlak dan adab generasi muda kini. In *Proc. Seminar Falsafah Sains dan Ketamadunan (SFST) 4 (1)* (pp. 351-357).

Saiful, M. S. A. A. K., Long, A. S., & Badaruddin, F. (2021). Konsep Pendidikan Akhlak dan Ciri-ciri Keistimewaanya dalam Islam [The concept of moral education and its special characteristics in Islam]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, *4*(1), 22-32.

Shafie, M. K. & Othman, M. K. (2016). Kefahaman dan Pengamalan Akhlak dalam Kalangan Pelajar Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah. *Proceedings of International Seminar on Generating Knowledge Through Research (ICECRS)*, 663-676.

Sulaiman, S., Lubis, M. A. & Sulaiman, N. (2008). Keunggulan Falsafah Pendidikan Islam Berbanding Falsafah Pendidikan Barat Dalam Menjana Modal Insan Cemerlang. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri Ke-6,* 157-165.

Sukri, M. (2026). *Pendidikan Adab Perspektif Imam an-Nawawi*. CV Jejak (Jejak Publisher).

Sohar, F., Md Ariffin, M. F., & Suffian, N. N. (2024). *Al-Haya'* dalam membendung peningkatan masalah sosial remaja Muslim [*Al-Haya'* in mitigating the escalation of social issues among Muslim youth]. *TURATH: Journal of Al-Quran and Al-Sunnah*, *9*(1), 46–51.

Syafitri, D., Elmiyanti, R., Mukhlisin, W., & Noviani, D. (2023). Akidah dan akhlak cerminan sifat manusia. *Jurnal Studi Islam Indonesia (JSII)*, *1*(2), 375-384.

Zakaria, Z., & Ismail, A. (2023). Akhlak guru Muslim: Antara realiti dan ideal [*Muslim teacher personalities: Between reality and ideal]. Islamiyyat, 45(Isu Khas), 3–18. https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2023-45IK-01*

Zurita, N. A. A. M., & Alwi, E. A. Z. E. (2022). Hubungan Akidah dan Akhlak dalam Pembentukan Individu Muslim di Malaysia [The Relationship of Morals and Akidah to The Formation of Muslims in Malaysia]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, *5*(4), 101-111.

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0